

Di mana Tempat Perlindungan Generasi Muslim?

(III)

Oleh: al-Ustaz Yusuf al-Azam

Di dalam siri yang ketiga ini penulisnya lebih menitikberatkan soal emosi atau perasaan “kasih sayang” seorang ibu terhadap anak-anak kandung yang di bawah asuhan dan pemeliharaannya.

Oleh itu dalam soal pendidikan, ibu-ibu Muslimah mestilah faham betul-betul akan cara pendidikan yang dikehendaki oleh Islam, sehingga ia benar-benar menjadi seorang ibu yang sanggup membentuk peribadi anak-anak yang di bawah asuhannya itu menjadi pemuda-pemudi yang berjiwa Islam.

Kemudian dengan agak panjang lebar penulis makalah ini menganalisa soal kelebihan air susu ibu dari susu tiruan yang diciptakan oleh manusia dari segi vitamin yang terkandung di dalamnya dan juga dari segi perasaan “kasih sayang” – Pengarang.

Doa Rasulullah:

Di malam pemualaan bertemunya dua orang suami isteri yang baru mengikat tali perkahwinan, di ketika keduanya akan melayarkan bahtera hidupnya memasuki ke pintu gerbang rumah tangga yang diidam-idami oleh setiap manusia yang telah masuk ke umur remaja, pada saat yang begitu mengharukan perasaan dan menggoncang segenap jiwa, kedua-dua pengantin baru itu seharusnya tidak melupakan Tuhan yang menjadikannya, Tuhan yang bakal menjadikan zuriat keturunan keduanya di belakang hari hasil dari perkongsian hidup yang telah mereka jalani dengan perantaraan “ijab dan kabul”. Saat inilah yang dinamakan “saat memilih zuriat” yang ditegaskan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* di permulaan jumlah kata hadithnya: “*Takhayyaru li nuṭafikum...*” kerana memandangkan soal ini soal keturunan yang akan menciptakan “generasi Muslim angkatan baru”

Terjemahan bebas oleh: Azmi

di masa yang akan datang, maka baginda Rasulullah sebagai “Rasūl al-Insāniyyah” telah mengajarkan suatu doa kepada setiap Muslim yang ingin mempunyai zuriat keturunan yang terpilih di antara umat-umat di dunia. Doa itu berbunyi:

“*Allāhunna jannūbunā al-shayṭāna wajannūb al-shayṭāna ma razaqtanā*” Ertinya “Ya Allah! Jauhilah kami daripada syaitan dan jauhilah syaitan itu daripada apa yang Engkau anugerahkan kepada kami (daripada anak-anak yang akan kami lahirkan)”.

Dalam masa setahun lebih kurang – mengikut kebiasaan – lahirlah bayi yang dicita-citakan oleh kedua suami isteri itu – sama ada putera mahupun puteri – kedua ibu-bapa bergembira menyambut kedatangan “orang baru” yang akan menjadi harapan kedua di zaman tua. Pada hari pertama bayi itu dilahirkan Islam mulai memperlindunginya daripada godaan-godaan

syaitan yang akan meragu-ragukan fikiran dan iktikadnya terhadap keesaan Allah yang menjadikannya. Kedua-dua telinganya diperdengarkan “dua kalimat *al-shahādah*”. Di telinga kanannya dilaung-laungkan dengan suara “*adhān*” dan di sebelah telinga kirinya pula dilaung-laungkan dengan suara “*iqāmah*”, dengan maksud supaya awal suara yang didengarnya setelah ia berada di alam *fanā*, ialah gemaan “*kalimah al-tawḥīd*” yang mengakui akan ketunggalan zat Allah dan kenabian rasul-Nya Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Allāhu akbar... Allāhu akbar.

Ashhadu an lā ilāha illā Allāh.

Ashhadu anna Muḥammadan Rasūlu Allāh.

Menjelang besarnya bayi itu, ia diserahkan di bawah tempat perlindungan yang kedua iaitu “ibu”. Tempat perlindungan yang pertama bagi seorang bayi adalah di dalam “rahim ibu”. Tempat perlindungannya yang kedua adalah “pangkuan ibu.” [Dengan ini dapatlah

Di Mana Tempat Perlindungan....

kita membayangkan betapa beratnya tanggungan seorang ibu di lapangan pendidikan.

Oleh itu sewaktu Rasulullah

ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam ditanya oleh salah seorang para sahabatnya:

“Kepada siapakah terlebih dahulu saya mesti menumpahkan kasih sayang dan taat setia?” Baginda menjawab:

“Ibumu!” Kemudian sahabat itu bertanya pula” “Kemudian kepada siapa? Baginda menjawab: Ibumu!”.

Kemudian sahabat itu bertanya lagi:

“Kemudian kepada siapa?” Jawab Baginda:”Ibumu kemudian bapamu” – P.]

Ibu yang Kita Kehendaki:

Di sini timbul pula suatu pertanyaan lagi: “Di manakah didapati – pada hari ini – seorang ibu Muslimah yang betul-betul menyedari tanggungjawabnya sebagai seorang ibu... ibu yang menjadi kebanggaan kepada seluruh masyarakat Islam melahirkan anak-anak yang akan mengambil tempat sebagai pejuang-pejuang Islam... ibu yang dapat menanamkan ke dalam jiwa anak-anaknya semangat kepahlawanan hingga mereka menjadi pemuda-pemudi Islam yang sanggup hidup di alam penderitaan demi membela kesucian Islam, mempertahankan tanah air Islam dan membela masyarakat Islam?”

Kita sangat memerlukan “generasi Muslim angkatan baru” yang berpegang teguh dengan ajaran suci yang dibawa oleh Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, yang dapat mencontohi sifat-sifat keberanian dan ketegasan para sahabat al-Khulafā’ al-Rāshidīn Abū Bakr, ‘Umar,

‘Uthmān dan ‘Alī (*radīya Allāhu ‘anhum*), yang sanggup mengikuti jejak kepahlawanan Khālid, Sa‘ad, ‘Uqbah dan al-Qa‘qa‘a. Di mana akan kita jumpai “generasi Muslim angkatan baru” yang mengagung-agungkan peribadi Nabi Muhammad, di mana akan kita cari “generasi Muslim angkatan baru” yang ingin menjejaki langkah keberanian al-Khulafā’ al-Rāshidīn dan di mana akan kita temui “generasi Muslim angkatan baru” yang tertanam di dalam jiwa mereka semangat keperwiraan pahlawan-pahlawan Islam di zaman silam? Di mana... dan di mana mereka itu berada sekarang? [Kita mahukan mereka itu mesti ada di dalam masyarakat Islam yang sedang timbul tenggelam diancam oleh cabaran-cabaran zaman moden pada hari ini – P]

Di manakah didapati seorang ibu Muslimah yang betul-betul memahami cara-cara pendidikan Islam yang sebenarnya...? Ibu Muslimah yang sanggup membentuk peribadi anak-anak yang dilahirkannya menjadi pemuda-pemudi Islam yang berpegang teguh dengan sifat-sifat perkemusiaan, pemuda-pemudi Islam yang sanggup menciptakan kemajuan bangsa dengan mengikut saluran ajaran-ajaran Islam, pemuda-pemudi Islam yang mempunyai akal fikiran yang tinggi mulia, akal yang boleh dijadikan benteng untuk mengawal diri daripada diserang dan dicerobohi oleh kemahuan hawa nafsu yang akan menyelewengkan mereka dari dasar-dasar hidup sebagai makhluk Tuhan yang dinamakan “manusia”. Setiap pemuda-pemudi Islam mestilah memiliki akal fikiran yang waras, mempunyai semangat kebenaran yang tidak melanggar batasan,

berhati suci bersih dan berbudi pekerti yang tinggi mulia.

Ibu Muslimah yang manakah dapat menjadikan putera dan puteri mereka bersifat demikian?

Di manakah didapati seorang ibu Muslimah yang sanggup menjadi pendidik, pemandu dan pemimpin rumah tangga yang dapat mengawal keadaan suasana rumah tangga daripada ditembusi oleh suara-suara sumbang yang dilauung-laungkan dari corong-corong radio, penglihatan-penglihatan curang yang dipertunjukkan di layar-layar kaca televisyen dan pemandangan gambar-gambar lucah yang memenuhi muka-muka majalah yang bercorak kesenian dan kebudayaan bangsa di zaman moden?

Rahsia Susu Ibu:

Di manakah didapati seorang ibu Muslimah yang benar-benar mengetahui rahsia keistimewaan air susu badan yang disusukan kepada anak-anak kandungnya itu, kerana air susu asli yang terbit dari kedua tetek seorang ibu itu mengandungi zat atau vitamin-vitamin yang telah disukat kekuatan zat yang terkandung di dalamnya supaya bersesuaian dengan keadaan tubuh bayi-bayi yang baharu dilahirkan. Khasiat-khasiat susu asli yang telah disediakan oleh Tuhan di dalam tubuh seorang ibu itu seribu kali lebih baik daripada susu-susu tepung yang diciptakan oleh manusia, kekuatan zat atau vitamin yang terkandung di dalam susu ibu itu berubah dari suatu masa ke suatu masa mengikut tingkatan umur seorang bayi yang disusukan itu, dan ia akan berubah pula menurut tekanan udara panas dan dingin pada masa kanak-kanak itu disusukan

Di Mana Tempat Perlindungan....

Oleh itu kalau kita perhatikan dengan saksama kita akan dapat melihat seorang kanak-kanak yang menghisap air susu ibunya itu, lebih sihat, lebih subur, lebih cergas malahan lebih cerdik daripada kanak-kanak yang meminum air susu tepung. Kecuali ketika seorang ibu dihindangi oleh sesuatu penyakit yang merbahaya, maka pada saat itu eloklah kanak-kanak itu diberhentikan buat sementara waktu daripada menghisap susu ibunya, lantaran ditakuti kesan-kesan penyakit merbahaya yang sedang dihidapi oleh ibunya itu akan menular kepada kanak-kanak itu melalui air susu yang dihisapnya – P*].

Pendapat ini kami bantangkan di sini, bukanlah dengan tujuan untuk mengecam atau melarang seseorang ibu itu memberikan susu tepung kepada anak-anak mereka, kerana dari segi hukum-hukum agama tidaklah ditegah. Tetapi pendapat ini kami kemukakan hanya semata-mata terbit dari perasaan hati kami setelah kami menjalankan penyelidikan yang halus dan rapi dari beberapa buku mengenai ilmu kesihatan dan kedokteran yang dikarang dan ditulis oleh beberapa orang para sarjana Islam yang mempunyai pengetahuan tinggi di dalam ilmu kesihatan dan kedokteran ini. Selain dari itu kami kaji pula dari segi ilmu jiwa yang ada pertaliannya dengan soal emosi atau perasaan kasih mesra ibu (*ḥannān al-umm*) terhadap anak-anaknya. Maka hasil dari apa yang kami selidiki itu maka timbullah pendapat-pendapat baru yang

mendorongkan kami menulis di dalam makalah yang ringkas ini supaya diketahui oleh kaum bangsa dan saudara-saudara kami yang seagama yang ingin mengetahuinya.

Susunan Hidup

Yang Teratur Rapi:

Kita tentu tidak dapat menafikan akan kelebihan barang sesuatu yang dijadikan oleh Tuhan Maha Pencipta. Air susu ibu adalah di antara minuman yang diciptakan oleh Tuhan di dalam tubuh badan seorang wanita yang baru bersalin. Susu itu khas diciptakan untuk diminum oleh bayi-bayi yang baru lahir ke dunia. Bayi-bayi yang baru lahir itu berkehendakkan sejenis makanan yang berupa air, lantaran kuasa mengubah memakan benda-benda yang keras belum ada padanya, yang ada padanya hanya kuasa menyedut dan menelan, oleh itulah Tuhan jadikan susu itu untuk makanan kanak-kanak kecil. Air susu tidak dikeluarkan dari tetek seorang wanita melainkan selepas daripada ia bersalin melahirkan anak, dan air susu itu akan kering kembali setelah kanak-kanak itu pandai memakan benda-benda yang lain daripada susu. Ini adalah suatu perjalanan hidup (*sunnah al-ḥayāh*) yang telah diatur oleh Tuhan dengan sebegitu rapi bagi makhluknya yang berjenis perempuan. Dengan ini tentu tak dapat disangkal bahawa air susu asal yang telah disediakan oleh Tuhan di dalam kantung susu seorang ibu itu, adalah lebih baik, lebih bersih, lebih lazat dan lebih baik zat atau vitaminnya daripada susu-susu tiruan yang diciptakan oleh manusia, ia mempunyai ukuran-ukuran

darjah panas dan sejuk yang bersesuaian dengan ma'adah (perut) seorang kanak-kanak, kerana air susu ibu itu komparasi (ukuran) yang sesuai menurut tingkatan umur kanak-kanak dari suatu masa ke suatu masa – sebagaimana yang telah kita terangkan di atas -- ini adalah kelebihan yang didapati di dalam zat air susu ibu itu.

Kelebihan dari Segi Emosi:

Di sana ada suatu kelebihan yang lain dari segi emosi seorang ibu terhadap anak-anak yang disukannya dari kantung susunya sendiri – kelebihan dari segi emosi dan perasaan ini sangat perlu diketahui oleh tiap-tiap ibu. Oleh yang demikian di sini kita cuba menganalisisnya dengan secara ringkas.

“Seorang ibu ketika menyusukan anaknya akan mendakap dan memeluk anak itu dengan perasaan penuh perasaan kasih mesra. Ketika itu dia dapat merasakan dua kelazatan jiwa di dalam satu masa (waktu). Pertama kelazatan menyusukan anak yang dianggap sebagai suatu derma bakti yang dapat diberikan kepada anaknya itu, dan kedua kelazatan memeluk dan mendakap anaknya, yang mana dari pelukan dan dakapan itu timbullah perasaan “kasih sayang” seorang ibu terhadap anak kandungnya. Semakin kuat tangannya memeluk tubuh kerdil yang dipangkunya itu, semakin mendalamlah perasaan kasih sayang itu tertanam di dalam jiwanya. Di saat itu dia sanggup berkorban... berkorban apa sahaja, menumpahkan bakti terhadap anak yang sedang di dalam pelukan yang diikat oleh perasaan “mesra dan kasih sayang”. Di saat

*Dari majalah “*al-Duktūr*” yang diterbitkan di Kaherah Mesir.

Di Mana Tempat Perlindungan....

inilah seorang ibu sering mencururkan air mata memandang wajah si anak yang mengharapka perasaan cinta, meminta belas kasihan dari ibunya, kalau tidak ada perasaan kasih mesra yang begitu mendalam yang ditumpahkan oleh ibunya, hidupnya sudah pasti sentiasa dikelubungi oleh awan mendung. Tanpa kasih sayang dari seorang ibu, nasib masa depan kanak-kanak akan jadi simpang perenang.

“Adapun memberi kanak-kanak minum susu tiruan yang dibancuh oleh seorang ibu di luar pelukan kasih mesra, sudah tentu perasaan kasih mesra seorang ibu terhadap anak kandungnya itu tidak akan tertanam dengan mendalam di jiwanya. Si kanak-kanak itu pula sudah tentu tidak akan dapat mengecap nikmat rasa kasih sayang dari seorang ibu yang sentiasa menjadi idaman hatinya itu, inilah suatu rahsia besar yang terkandung di dalam pelukan kasih mesra seorang ibu sewaktu dia menyusukan anak kandungnya.” (1)

Mesra Ibu:

[Sebelum kita kembali kepada pokok kajian yang sedang kita analisis, penterjemah makalah ini merasa perlu untuk menerangkan dengan sepintas lalu akan erti kata kalimah “mesra ibu” atau di dalam bahasa Arabnya “*ḥannān al-umm*” yang selalu diulang-ulang oleh pengarang asal makalah ini].

“Mesra ibu” adalah dua

kalimah yang pendek tetapi mempunyai erti yang luas jika hendak diperluaskan. Kalimah “mesra” boleh juga dimaknakan dengan erti “kasih sayang”. Kalimah “ibu” tak payah diterangkan lagi kerana semua makhluk Tuhan yang bernyawa di muka bumi mengerti akan kalimah “ibu” ini, lantaran sumber hidup mereka yang pertama adalah datangnya dari seorang “ibu”. Dalam Islam “bapa” hanya merupakan sumber hidup yang kedua.



“*Ḥannān al-umm*” atau “mesra ibu”.

Selain daripada Saiyidina Ādam “Abū al-Bashar” – bapa sekalian manusia – kita tidak pernah mendengar di dalam sejarah hidup manusia, seseorang manusia itu dijadikan Tuhan tanpa ibu. Sedangkan saiyidina ‘Isā ‘*alayhi al-salām* yang dijadikan Tuhan tanpa bapa itu ada mempunyai ibu iaitu Sītī Maryam. Jadi ibu adalah menjadi sumber yang terpenting dari asal kejadian manusia – selepas Saiyidina Ādam ‘*alayhi al-salām* dijadikan tanpa ibu itu, lantaran

dari perut ibulah kanak-kanak itu dilahirkan.

“Mesra ibu” atau “kasih sayang ibu” adalah mengatasi segala perasaan mesra dan kasih sayang yang berada di alam jagat ini. “Kasih sayang” seorang ibu terhadap anaknya ini bukan hanya dimiliki oleh makhluk Tuhan yang berjenis manusia sahaja, malahan meliputi sekalian makhluk yang bernyawa termasuklah makhluk yang berjenis haiwan.

Didorong oleh perasaan “kasih sayang” ini, seorang ibu sanggup menderita, sanggup memikul apa jua bebanan yang takkan sanggup dipikul oleh kaum bapa. Mulai dari detik pertama seorang kanak-kanak itu dilahirkan ke alam dunia ini, perasaan “kasih sayang” si ibu yang melahirkan kanak-kanak itu sudah meresap masuk ke dalam segenap hati dan jiwanya. Matanya bersinar-sinar memandang wajah si anak dengan penuh rasa kasih mesra, dia bersengkang mata berjaga malam mengorbankan segala kerehatan hidupnya demi untuk ketenteraman dan keselamatan anaknya itu.

Penghormatan kepada Ibu:

Islam telah memberikan penghormatan yang sebegitu tinggi sekali kepada “ibu-ibu Muslimah yang solehah” dengan meletakkan “syurga itu di bawah telapak kaki mereka, sebagaimana sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*: “*Al-Jannatu taḥta aqdāmi al-ummahāf*”. “Syurga itu untuk terletak di bawah telapak kaki ibu-ibu”. Meskipun tujuan hadith ini tidak merupakan dengan secara zahir bahawa syurga itu benar-benar berada di bawah telapak kaki ibu, tetapi maksudnya yang lebih jelas bahawa seorang anak itu tidak akan dapat

(1) Buku “Asās al-Ṣiḥḥah al-Nafsiyyah” karangan Dr. ‘Abd al-‘Azīz al-Qūṣī.

Di Mana Tempat Perlindungan....

mengecap segala macam nikmat kesenangan yang berada di dalam syurga melainkan dengan keredaan ibunya. Tegasnya seorang anak derhaka yang telah dibenci oleh ibunya tidak akan dimasukkan ke dalam syurga.

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa perasaan “kasih sayang” seorang ibu terhadap anaknya bukan hanya dimiliki oleh makhluk Tuhan yang berjenis manusia sahaja malahan juga oleh makhluk yang berjenis haiwan. Ini dapat kita buktikan kalau kita memperhatikan harimau atau kucing sewaktu ia menggonggong anaknya dengan menggunakan

taring yang sebegitu runcing dan tajam, tetapi adakah taringnya itu melukakan kulit tengkuk anak-anak yang digonggongnya itu? Begitu pula kalau kita lihat kedua-dua binatang itu bersenda gurau dengan anak-anaknya, ia tidak akan mengeluarkan kukunya yang tajam seperti hujung jarum itu. Tetapi kalau kedua menerkam mangsa dengan menggunakan taring dan kuku-kukunya yang tajam itulah ia mencengkam batang leher mangsa-mangsa yang ditangkapnya itu. Itulah suatu contoh yang paling dekat sekali menunjukkan bahawa makhluk-makhluk yang berjenis haiwan itu juga ada memiliki perasaan “kasih sayang” terhadap anak-anaknya.

Selain daripada binatang harimau dan kucing yang saya jadikan contoh di atas, kita boleh memperhatikan sifat

lain-lain binatang betina sewaktu ia menjaga keselamatan anak-anak kecil yang baru dilahirkan itu... penuh dengan rasa mesra dan kasih sayang yang tidak berbelah bagi.

Lihatlah begitu ajaibnya perasaan “kasih-sayang” yang telah ditanamkan oleh Allah ke dalam hati dan jiwa setiap makhluk yang telah menjadi seorang “ibu”. Inilah suatu rahmat Tuhan yang paling besar dan teragung sekali yang telah dikurniakan Tuhan kepada sekalian makhluknya di alam dunia ini. Kalau hati setiap ibu di dunia ini ditanamkan-Nya perasaan “kejam dan bengis” tidaklah manusia dan makhluk-makhluk yang lain akan hidup membiak memenuhi alam buana ini. Inilah yang dikatakan “*ḥannān al-umm*” atau pun “mesra ibu” – P].

Bersambung



Gambar di atas menunjukkan Yang Berhormat En. Kamarudin bin Muhammad Arif – Duta Besar Malaysia di Saudi Arabia – sedang bertukar-tukar fikiran dengan Şāhib al-Mu’ālī al-Shaykh Jamil Al Hajilan – Menteri Penerangan Saudi Arabia – di pejabatnya. Kedua-duanya bersahabat baik sewaktu kedua-duanya bertugas di lapangan diplomatik di Karachi Pakistan beberapa tahun yang lalu. – (Gambar dipetik dari ‘*al-Bilād*’).